

10 JUL 2003

Multaqa-Kemiskinan/I

ULAMA BOLEH BANTU TANGANI KEMISKINAN

Oleh: P.Vijian

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Cendekiawan Islam di seluruh dunia boleh memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat Islam menangani kemiskinan, kata Presiden Lembaga Universiti Global Lubnan Dr Sheikh Houssam Karakira.

Beliau berkata peranan ulama adalah untuk mendidik umat Islam dan meningkatkan status ekonomi mereka.

"Ilmu golongan ini boleh membimbing masyarakat supaya tidak malas, perlu bekerja keras dan menguasai ilmu pengetahuan, seperti kemahiran teknikal bagi membantu memperbaiki keadaan ekonomi," katanya dalam temubual dengan Bernama pada Multaqa Ulama Sedunia di sini.

Multaqa tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ulama mesti menjelaskan maksud sebenar Islam dan membanteras ajaran sesat supaya umat Islam boleh maju.

"Satu masalah besar ialah masyarakat mempunyai tanggapan sempit mengenai agama. Ada umat Islam tidak mahu meneroka bidang baru seperti teknologi, malah enggan memandu kenderaan. Mereka menganggap perkara ini diharamkan oleh Islam," katanya.

"Ia merupakan masalah serius di kalangan kebanyakan umat Islam dan mereka masih ketinggalan kerana gagal mempelajari bidang baru," katanya.

Memetik Lubnan sebagai contoh, beliau berkata ulama memainkan peranan penting dalam memulihkan ekonomi negara itu.

Dr Sheikh Houssam berkata ekonomi Lubnan yang suatu ketika berkembang maju, kini mempunyai kira-kira US\$30 bilion hutang asing dan terpaksa membayar kadar faedah yang tinggi yang sukar dijelaskan oleh kerajaan memandangkan pendapatan keseluruhan kerajaan tidak mencukupi.

"Pada masa lalu penduduknya terdiri daripada kelas rendah, menengah dan kaya tetapi kini tiada lagi kelas menengah. Tidak mudah untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara. Kerjasama kukuh kerajaan dan ulama perlu dalam mencari jalan penyelesaian," katanya.

Selain ilmu agama, umat Islam juga mesti menguasai ilmu pengetahuan penting lain seperti ekonomi, teknologi maklumat dan sains supaya mereka dapat bersaing dan berdikari, katanya.

-- BERNAMA

VP AZZ LAT